

CNS6395

U GB 03-09 00180 BC813

Bah

MAHATHIR ADAXAN RUNDINGAN TIDAK RASMI DENGAN PEMIMPIN NAM

NAM - Mahathir

Daripada Zulkifli Salleh

I

JAKARTA, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri India P.V. Narasimha Rao bertemu secara tidak formal hari ini dan bertukar-tukar pendapat mengenai peranan masa depan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dalam era selepas berakhirnya Perang Dingin.

Dalam pertemuan singkat itu, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa NAM perlu digunakan secara berkesan untuk meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan, kata Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali kepada pemberita di sini.

Dr Mahathir dan Narasimha Rao ialah antara kira-kira 60 ketua negara dan kerajaan yang menghadiri sidang kemuncak ke-10 NAM.

Abdul Halim berkata kedua-dua pemimpin juga menyentuh mengenai isu dua hala, dan menambah bahawa Perdana Menteri India telah mengambil kesempatan itu untuk menjemput Dr Mahathir melawat India.

Terdahulu itu, Abdul Halim berkata Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan bertukar-tukar pendapat mengenai kemajuan NAM dan cara bagaimana untuk menjadikan pergerakan itu lebih efektif. -- Lagi

▼03/09/20-09MST

CNS6402

U GB 03-09 00150 BC814

Bah

NAM - Mahathir 2(Akhir) Jakarta

Beliau berkata semasa pertemuan selama 30 minit itu yang juga menyentuh mengenai isu dua hala, Encik Goh berkata tidak terdapat isu besar yang menghalang hubungan baik antara kedua-dua negara dan sebarang isu berbangkit akan dia tas'i dalam semangat setiakawan.

Abdul Halim berkata Dr Mahathir juga mengadakan pertemuan dengan Presiden Maldives, Maumoon Gayoon dan Presiden Iran, Ali Akbar Hashemi Rafsanjani.

Gayoon, katanya, memuji Dr Mahathir kerana menyuarakan pendirian Dunia Ketiga dalam ucapannya semasa yerasmian sidang kemuncak itu pada hari
S e l a s a

Gayoon juga melahirkan harapan agar Penerbangan Malaysia (MAS) memulakan perkhidmatan udaranya ke Maldives secepat mungkin untuk menggalakkan industri pelancongannya, kata Abdul Halim.

Beliau berkata Rafsanjani berminat untuk belajar daripada pengalaman Malaysia dalam pembangunan perindustrian dan dalam menarik pelaburan asing.

Dr Mahathir di jadual menemui Presiden Suharto dan Putera Norodom Sihanouk pada petang ini. -- Bernama